


## Maklumat Penyakit & Perosak : Lalat Buah (Fruit Fly)

### Maklumat Umum

Tiada Rekod Ditemui

### Simptom



Buah muda yang diserang akan terdapat bintik hitam manakala buah matang yang diserang akan terdapat bintik coklat dan buah akan busuk.

### Kawalan Perosak

- Bungkus buah seawal 3 minggu.
- Sentiasa periksa tanaman dan semua buah yang rosak atau yang gugur dimusnahkan dengan mengutip dan ditanam ke dalam tanah.
- Menggunakan kawalan kimia secara bijaksana bagi mengekalkan dan memulihara populasi musuh semulajadi yang dapat membantu mengawal lalat buah.
- Jaga kebersihan kawasan ladang.
- Sembur campuran umpan protein bersama racun perosak seperti Malathion setiap 10 hari.
- Menggunakan perangkap yang mengandungi campuran methyl-eugenol bersama malathion untuk menarik dan mengurangkan populasi lalat buah jantan.
- Jika buah tidak dibungkus, sembur racun serangga secara berselang-seli seperti Fenthion, Cypermethrin, Malathion, Spinosad atau Chlorpyrifos apabila putik buah berumur 2 - 3 minggu sehingga tempoh selamat sebelum buah dituai.